



SIARAN MEDIA

"SAMBUTAN PALING MERIAH" MAJLIS AIDILFITRI KPKT MEMPERKASA SEMANGAT MUHIBAH, MENARIK 5,000 TETAMU

PUTRAJAYA, 18 APRIL 2025 – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menganjurkan Majlis MADANI Muhibah sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri 1446H. Majlis ini merupakan kesinambungan tradisi KPKT bagi memupuk semangat perpaduan dan kemajmukan budaya.

Majlis ini turut dihadiri oleh Ketua Setiausaha Negara, Ketua Audit Negara, beberapa orang timbalan menteri kabinet dan beberapa orang Ketua Setiausaha Kementerian, wakil kedutaan negara luar, ketua dan pegawai tertinggi kementerian dan juga diserikan dengan kehadiran lebih 3,000 orang warga termasuk rakan strategik serta pengamal media.

Dalam majlis ini, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM) turut menyantuni enam (6) penerima **Rumah Mesra Rakyat (RMR)** dan **Program Baik Pulih Rumah di Bandar (PBPR)** dan **Program Bina Baharu Rumah di Bandar (PBBR)** menerusi penyampaian **Inisiatif Perumahan KPKT**. Selain daripada itu turut berlangsung Majlis Pelancaran e-RMR dan juga M-Niaga PR1MA.

Sistem e-RMR merupakan sebuah platform permohonan RMR yang memudah dan mempercepatkan proses kerja. Sistem ini dinaik taraf daripada sistem terdahulu kepada versi laman sesawang yang mana kerja-kerja manual dipinda kepada proses automatik dan tanpa kertas. Oleh yang demikian, pelaksanaan kerja diselesaikan dengan lebih pantas, tepat dan efisien selaras dengan misi Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) untuk menyediakan kediaman berkualiti kepada golongan B40 terlaksana.

Dalam majlis ini, Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) juga melancarkan **unit komersial M-Niaga** untuk memperkasa sosioekonomi komuniti tempatan. Inisiatif M-Niaga menyediakan sebanyak 256 unit komersial dengan Nilai Pembangunan Kasar (GDV) berjumlah RM160.15 juta untuk menyokong perniagaan kecil dan sederhana dalam kawasan kediaman PR1MA. Ia berkeluasan di antara 689 – 5,803 kaki persegi, unit-unit ini menampilkan reka bentuk fleksibel dan susun atur praktikal, sesuai untuk pelbagai jenis perniagaan. Setiap unit M-Niaga bermula daripada RM289,800 dan terletak di Selangor, Perak, Melaka, Kedah, Kelantan, Johor, Sabah, dan Sarawak.

Dalam Majlis MADANI Muhibah Aidilfitri 1446H, KPKT menyajikan pelbagai juadah bertemakan perpaduan dan kemajmukan Malaysia seperti nasi minyak, soto ayam, satey, capati, vadai, dim sum, kuih muih nyonya dan pelbagai lagi juadah. Manakala Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) meneruskan tradisi '*fire kitchen*' iaitu menghidangkan mee goreng abang bomba. '*Fire kitchen*' ini berfungsi sebagai dapur medan semasa bencana atau operasi yang berpanjangan untuk kebajikan para anggota bomba.

Selain daripada itu, wakil daripada program Pemerikasaan Ekonomi Komuniti Bandar (PEKB) turut menyajikan menu pemanis mulut iaitu puding tuti fruiti, puding karamel dan tart nenas. Program PEBK merupakan program yang melatih golongan berpendapatan 40 peratus terendah (B40) yang berdaftar dalam Sistem eKasih oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM) bagi menjana pendapatan yang lebih tinggi melalui perniagaan dalam bidang yang diceburi.

Semasa ucapan, YB KM menegaskan "Majlis MADANI Muhibah Aidilfitri ini diadakan bertujuan untuk meraikan jalinan muhibah dan menyemarakkan semangat perpaduan bukan sahaja dalam kalangan warga KPKT, malah seluruh kakitangan Kerajaan yg berkhidmat di Putrajaya terutamanya".

#MalaysiaMADANI
#Kemampunan
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

